

UMNO 25 OKT 2007

UMNO Pasir Mas lulus usul minta Dr. Mahathir bertanding

PASIR MAS 24 Okt. — UMNO Bahagian Pasir Mas yang mengadakan mesyuarat khas perwakilannya di sini hari ini meluluskan usul sebulat suara meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terus bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Usul itu dibacakan oleh Ketua Pemuda UMNO Bahagian itu, Ahmad Rosdi Mahmad dan disokong oleh Datuk Paduka Ibrahim Ali selepas perwakilan dan kira-kira 500 ahli selesai bersidang dalam mesyuarat khas itu.

Ibrahim berkata, walaupun Perdana Menteri sudah menyatakan keputusan muktamadnya untuk terus bersara daripada kerajaan dan politik tetapi beliau tidak dapat menghalang suara ahli yang mendesak Dr. Mahathir bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Perwakilan UMNO Bahagian Pasir Mas di Sekolah Menengah Teknik Bunut Susu di sini hari ini.